

Latihan Sains Ting 3

BAB 1 RANGSANGAN DAN GERAK BALAS

BAHAGIAN A

Arahan: Setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, **A**, **B**, **C**, dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Pilih jawapan pada ruang jawapan di bawah sekali.

1. Kaji maklumat di bawah

J --> Otak

K --> Saraf Spina

L--> Saraf Tunjang

M --> Saraf Kranium

Antara yang berikut, yang manakah mewakili sistem saraf pusat ?


A. J dan K

C. K dan M

B. J dan L

D. L dan M

2. Rajah di bawah menunjukkan laluan impuls bagi suatu tindakan. Antara tindakan yang berikut, yang



manakah akan melalui laluan impuls yang sama?

A. Bernafas

B. Berfikir

C. Sentakan Lulut

D. Berjalan

3. Antara yang berikut yang manakah tindakan terkawal ?

- A. Peristalsis
- B. Bercakap
- C. Berpeluh
- D. Denyutan Jantung


4. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah betul tentang gerak balas tropisme?

- A. Pucuk menunjukkan geotropisme negatif dan fototropisme positif
- B. Akar menunjukkan geotropisme positif dan hidrotropisme negatif
- C. Akar menunjukkan fototropisme positif dan geotropisme negatif
- D. Pucuk menunjukkan geotropisme positif dan hidrotropisme positif.

5. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** tindakan luar kawal?

- A. Membaca buku
- B. Denyutan jantung
- C. Menarik kaki apabila terpijak paku tekan
- D. Bersin apabila habuk masuk ke dalam hidung

6. Rajah 1 menunjukkan salah satu had deria penglihatan.



Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya had deria penglihatan di atas?

- A. Ilusi optik
- B. Bintik buta
- C. Rabun jauh
- D. Astigmatisme

7. Bahagian telinga manusia yang manakah mengandungi bendalir?

- I Koklea
- II Osikel
- III Jendela bujur
- IV Salur separuh bulat

- A. I dan II
- B. III dan IV
- C. II dan III
- D. I dan IV

8. Antara bahagian badan berikut, yang manakah kurang peka terhadap sentuhan ?

- I Bibir
- II Hujung jari
- III Siku
- IV Tapak kaki

- A. I dan II
- B. III dan IV
- C. II dan III
- D. I dan IV

9. Rajah 2 menunjukkan sejenis gerak balas tumbuhan terhadap rangsangan.



Apakah gerak balas yang ditunjukkan di sebelah?

- A. Geotropisme
- B. Fototropisme
- C. Tigmotropisme
- D. Gerakan Nastik

10. Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang penglihatan monokular?

- A. Medan penglihatan yang kecil
- B. Medan penglihatan tidak bertindih
- C. Kedua-dua kepala terletak di hadapan kepala
- D. Imej tiga dimensi terbentuk dalam medan penglihatan

Kertas Jawapan Objektif, Sila pilih jawapan anda

- | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) |

**TAHNNIAH,
SEMOGA
BERJAYA**